

# siaran media

**Dutch Lady Milk Industries Berhad menerima kunjungan Menteri Besar Negeri Sembilan di tapak pembinaan hab pembuatan tenusu halal bertaraf dunia di Techpark @ Bandar Enstek**

**PETALING JAYA, 9 Disember 2021:** Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) hari ini menerima kunjungan Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Haji Aminuddin bin Harun di tapak pembinaan baharu di Techpark @ Bandar Enstek, yang merupakan tapak pembinaan untuk hab pengilangan tenusu halal bertaraf dunianya di mana kerja-kerja pembinaan baru bermula.

“Bagi pihak kerajaan negeri, saya ingin mengucapkan tahniah kepada DLMI atas keyakinan dan sokongannya terhadap Negeri Sembilan dengan membina hab pembuatan tenusu halal baharu bertaraf dunia di sini. Dengan keupayaan dan kecanggihan teknologi bersepadunya, DLMI pada asasnya membina Kilang Pintar dengan piawaian Industri 4.0 dan ini akan mewujudkan pelbagai peluang masa hadapan yang boleh memberi manfaat kepada negeri dan negara kita,” kata Datuk Seri Haji Aminuddin.

Lawatan Datuk Seri Haji Aminuddin diraikan dengan majlis menandatangani plak oleh beliau yang turut disaksikan oleh pengurusan tertinggi dan ahli lembaga pengarah DLMI.

“Kami amat terharu dan berbesar hati menerima kunjungan YAB Menteri Besar, Datuk Seri Haji Aminuddin ke sini untuk melihat sendiri lokasi hab pengilangan tenusu halal DLMI bertaraf dunia yang bernilai RM400 juta, yang bakal menjadi pemangkin kepada kami untuk terus Mengkhasiatkan Nusa dan Bangsa untuk tahun-tahun mendatang,” Puan Ramjeet Kaur Virik, Pengarah Urusan DLMI berkata.





"Kami mengalu-alukan dan berterima kasih di atas bimbingan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Persekutuan dalam merealisasikan visi kami untuk membina hab halal pengilangan bertaraf dunia untuk negara. Usaha ini adalah manifestasi Kerjasama Bistari Awam-Swasta Malaysia untuk membangunkan negara secara berterusan di samping memartabatkan Agenda Jaminan Makanan", menurut Puan Ramjeet, sambil menambah hab pengilangan halal DLMI baharu ini akan mewujudkan persekitaran lebih kolaboratif yang akan memudahkan peningkatan kemahiran dan pembinaan keupayaan tenaga kerja.

Sebuah Pusat Penternakan Tenusu tercanggih, yang akan berfungsi sebagai pusat pembelajaran sehenti untuk para penternak tenusu tempatan juga akan ditubuhkan di hab baharu ini. Usaha sebegini bakal berupaya menyokong agenda kerajaan Malaysia dengan melatih dan meningkatkan kemahiran para penternak tenusu tempatan untuk menjadi usahawan moden.

Pembinaan hab pengilangan tenusu halal baharu oleh DLMI selaku pengeluar tenusu terbesar di Malaysia ini turut digabungkan dengan teknologi hijau yang maju, amalan kelestarian dan kecekapan yang lebih baik serta pelan-pelan inovasi baharu untuk masa hadapan. Beberapa inovasi baharu yang akan diperkenalkan oleh DLMI di hab tersebut termasuklah utiliti cekap tenaga, pemprosesan kehilangan sifar dan penggunaan semula air hujan serta kebolehkitar semula yang lebih baik.

Puan Ramjeet turut berkongsi yang hab baharu ini akan menyokong rancangan dan cita-cita tinggi DLMI untuk Malaysia dengan meningkatkan penggunaan susu di kalangan rakyat dan ianya turut merupakan penzahiran keyakinan DLMI ke atas prospek ekonomi Malaysia. Beliau berkata hab pengilangan tenusu halal baharu itu akan meningkatkan pengeluaran susu berkhasiat yang berkualiti tinggi dengan ketara.

Usaha ini adalah selaras dengan Agenda Kesihatan Kebangsaan Kerajaan untuk mencapai status kesihatan dan pemakanan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda.





"Kami menzahirkan komitmen ke atas misi DLMI untuk Mengkhasiatkan Nusa dan Bangsa dan kami menyedari kepentingan untuk melabur demi masa hadapan, membangunkan agenda Jaminan Makanan negara dalam era pasca pandemik yang semakin penting bagi Malaysia", kata Puan Ramjeet.

Projek ini dibiayai sendiri daripada sumber dalaman termasuk penjualan tanah kilang sedia ada DLMI di Petaling Jaya baru-baru ini dengan harga RM200 juta. Hasil jualan tersebut secara keseluruhannya akan digunakan untuk pembinaan hab baharu. Operasi di kilang Petaling Jaya akan diteruskan sehingga hab pengilangan tenuku halal baharu di Bandar Enstek itu dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun 2023.

DLMI, dengan sejarah selama 58 tahun di negara ini dan ikon tempatan, terus menghayati etos mengkhasiatkan rakyat Malaysia dengan khasiat tenuku dan memperkasakan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai bahaya penyakit tidak berjangkit seperti obesiti dan masalah bantut serta kekurangan zat makanan.

DLMI 51 peratus dimiliki oleh syarikat induknya dari Belanda iaitu Royal FrieslandCampina yang merupakan salah sebuah syarikat tenuku terbesar di dunia dengan sejarah warisan dan kepakaran tenuku Belanda selama 150 tahun.

#### **Tentang Dutch Lady Milk Industries Berhad**

Diperbadankan pada tahun 1963, Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) merupakan syarikat tenuku terkemuka di Malaysia. Ia dimiliki oleh sebuah syarikat koperasi tenuku terbesar di dunia, Royal FrieslandCampina NV, sebuah syarikat tenuku multinasional dari Belanda. DLMI merupakan syarikat susu pertama yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 1968 dan yang pertama memperkenalkan susu serbuk yang diformulasikan untuk Kanak-kanak di Malaysia pada tahun 1988.

DLMI telah dianugerahkan Company of the Year 2014 oleh The Edge Billion Ringgit Club dan mengeluarkan dan menjual pelbagai produk tenuku berkualiti untuk pasaran rumah dan eksport, dengan semua produk menjadi produk kegemaran ramai seperti Dutch Lady dan Friso Gold. Melalui kerjasama unik antara FrieslandCampina dan empat pasukan / universiti penyelidikan antarabangsa, kami telah memulakan kajian South East Asian Nutrition Surveys (SEANUTS) pada tahun 2009, melibatkan empat negara - Malaysia, Indonesia, Vietnam dan Thailand. SEANUTS merupakan kajian berkaitan nutrisi dan kesihatan yang terbesar dan ekstensif di Asia Tenggara, dimana 16,744 kanak-kanak sehingga umur 12 tahun telah terlibat dengan kajian empat-tahun ini. Maklumat lanjut boleh didapati di [www.dutchlady.com.my](http://www.dutchlady.com.my)





**Mengenai Royal FrieslandCampina**

Setiap hari, Royal FrieslandCampina menyediakan berjuta-juta pengguna di seluruh dunia makanan yang kaya dengan nutrien berharga. Dengan pendapatan tahunan 11.1 bilion euro untuk tahun 2020, Royal FrieslandCampina merupakan salah satu daripada lima syarikat tenusu terbesar di dunia, membekalkan produk pengguna dan profesional, serta bahan dan produk separuh siap kepada industri makanan dan sektor farmasi di seluruh dunia. Royal FrieslandCampina mempunyai pejabat di 38 negara dan 23,877 pekerja, dan produknya boleh didapati di lebih dari 100 negara. Syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh Zuivelcoöperatie FrieslandCampina U.A, dengan 16,995 ahli petani tenusu di Belanda, Jerman dan Belgium — menjadikannya salah satu koperasi tenusu terbesar di dunia. Untuk maklumat lebih lanjut sila layari: [www.frieslandcampina.com](http://www.frieslandcampina.com)

**Siaran akhbar ini dikeluarkan oleh Dutch Lady Milk Industries Berhad**

Muhammad Abdul Hadi Abdullah  
Pengarah Perhubungan Korporat  
Tel: 012-376 6497      Email: [hadi.abdullah@frieslandcampina.com](mailto:hadi.abdullah@frieslandcampina.com)

Meera Selvaratnam  
Pengurus Komunikasi  
Tel: 012-911 0733      Email: [meera.selvaratnam@frieslandcampina.com](mailto:meera.selvaratnam@frieslandcampina.com)

